

MAHATHIR-VIETNAM

DARI K.C. LEONG

1981

BANGKOK, 23 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MALAYSIA MEMPUYAI GAMBARAN JELAS MENGENAI BAHAYA YANG DIBAWA OLEH VIETNAM TETAPI TIDAK PULA MENGANGGAP NEGARA ITU MEMPUYAI KEUPAYAAN UNTUK MENGANCAM MALAYSIA SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA KENYATAANNYA DI JAKARTA BARU-BARU INI BAHAWA IA TIDAK MENGANGGAP VIETNAM +SATU ANCAMAN BESAR KEPADA KAMI+ HANYALAH SEKADAR BERMAKNA BAGI MALAYSIA +KITA TIDAK AKAN MENYAKSIKAN KEJEMUA TENTERA VIETNAM BERBARIS MASUK MENAKLUK MALAYSIA ESOK.+

BELIAU BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI HOTEL ERAWAN DI SINI SELEPAS MENGADAKAN KUNDIRANG DUA JAM DENGAN PERDANA MENTERI THAI JEN. PREM TINSULANOND DI RUMAH KERAJAAN.

MENJAWAB SATU PERTANYAAN MENGENAI PERKARA ITU, BELIAU MENAMBAH: +TETAPI KAMI MEMAHAMI KEUPAYAAN VIETNAM UNTUK MELAKUKAN BERBAGAI-BAGAI MASALAH DI RANTAU INI DAN KEPADA THAILAND, KAMI MENYEDARI DENGAN JELAS AKAN BAHAYA-BAHAYA TERSEBUT.+

DITANYA SAMADA BELIAU MENGANGGAP BALA TENTERA VIETNAM MERUPAKAN SATU ANCAMAN KEPADA NEGERI THAI SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA INI ADALAH BAGI THAILAND SENDIRI UNTUK MENIMBANGKANNYA DAN BELIAU TIDAK AKAN CUBA MENEKA UNTUK MENYATAKAN SAMADA IA SATU ANCAMAN ATAU PUN TIDAK. -- BER-SAMBUNG 2143/ZCM

B5921

MAHATHIR-VIETNAM 2 BANGKOK

BELIAU MENAMBAH BAHAWA JEN. PREM JUGA TIDAK MENYATAKAN PERKARA TERSEBUT MAKA +SAYA TIDAK MENGETAHUI APA YANG BELIAU RASAKAN MENGENAI ANCAMAN DARI TENTERA VIETNAM.+

JEN. PREM TELAH, BAGAIMANAPUN, MELAHIRKAN KEKHUATIRANNYA MENGENAI KEHADIRAN TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA.

PERDANA MENTERI SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA TIDAK ADA PERUBAHAN DALAM TINDAKAN MALAYSIA BAGI MENGATASI MASALAH KAMPUCHEA.

+KAMI HANYA MEMIKIRKAN KE ARAH PENYELESAIAN POLITIK DAN BUKANNYA PENYELESAIAN SECARA KETENTERAAN,+ TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR KEPADA SATU PERTANYAAN LAIN MENGENAI LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL MENGATASI ISU KAMPUCHEA.

KATANYA JEN. PREM TELAH JUGA MEMBERITAHUNYA MENGENAI PERSINGGAHAN PERDANA MENTERI CHINA ZHEO ZIYANG KE SINI SELEPAS LAWATANNYA KE MALAYSIA, SINGAPURA DAN FILIPINA.

MENGENAI KEDUDUKAN ASEAN DAN CHINA KE ARAH Mencari Penyelesaian Masalah Kampuchea, Katanya Sedikit Persamaan Telah Diwujudkan Sebagaimana Diperolehi di Persidangan Antarabangsa Mengenai Kampuchea di New York Bulan Lalu. -- BERSAMBUNG 2148/ZCM

47

B593:

MAHATHIR-VIETNAM 3 BANGKOK

+KAMI SEMUA BERKEYAKINAN BAHWA ADALAH TIDAK MUSTAHIL UNTUK MENCAPAI SATU PENYELESAIAN POLITIK: ASEAN ATAUPUN CHINA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG RANCANGAN UNTUK MEMBUAT TINDAKAN KETENTERAAN,+ KATANYA LAGI.

+APA YANG INGIN KAMI LAKUKAN TIDAK BAGI SEMUA KUMPULAN DI KAMPUCHEA UNTUK BEKERJASAMA DAN BERUSAHA Mencari satu penyelesaian politik serta menubuhkan sebuah kerajaan yang dapat diterima oleh rakyat Kampuchea.

+HANYA MASALAH YANG DIKETAHUI TIDAK PIHAK CHINA TIDAK BERAPA MENYUKAI PASUKAN KHMER ROUGE BERKUASA TETAPI BAGI PIHAK KAMI TIDAK MEMILIKI KEPADA MANA-MANA KUMPULANPUN.

+KAMI INGINKAN KUMPULAN YANG DISOKONG OLEH SEBAHAGIAN BESAR ORANG YANG MENJALANKAN PENTADBIRAN NEGARA ITU.+

DITANYA MENGENAI PERANAN CHINA DI ASIA TENGGARA, KATANYA ASEAN SEDANG BERUSAHA MELAHIRKAN ZON KEAMANAN, KEBEBASAN DAN BERKECUALI DAN DALAM HAL INI PERANAN CHINA DI SINI ADALAH TIADA +SEANDAINYA PIHAK SOVIET UNION DAN AMERIKA SYARIKAT JUGA TIDAK MEMILIKI SEBARANG PERANAN DI KANTAU INI.+ -- BERSAMBUNG 2203/ZCM

MAHATHIR-VIETNAM 4 BANGKOK

DITANYA SAMADA MALAYSIA TELAH MENERIMA SEBARANG PENGAKUAN DARI PERDANA MENTERI ZHAO MENGENAI SOKONGAN CHINA KEPADA PARTI KOMUNIS MALAYSIA YANG DIHARAMKAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHWA TIADA SEBARANG JAMINAN KEKUALI CHINA TELAH MENGHENTIKAN KEBENARAN KEPADA PKM UNTUK MEMBUAT PENYIARAN DARI CHINA.

KATANYA PERSOALAN MENGENAI STESYEN RADIO SUARA BARU DEMOKRASI MALAYA YANG DILAPORKAN DISTARKAN DARI SELATAN THAILAND TELAH TIDAK DITIMBULKAN LANGSUNG DALAM RUNDINGANNYA DENGAN JEN. PREM.

MENGENAI PENGALIRAN MASUK PELARIAN INDOCHINA, KATA PERDANA MENTERI MALAYSIA MASIH MENERIMA MEREKA DAN MEMBENARKAN MEREKA MENDARAT. BAGAIMANAPUN JIKA TIADA NEGARA KETIGA SANGGUP MENERIMA MEREKA UNTUK DITEMPATKAN SEMULA +MAKA KAMI AKAN MEMIKIRKAN SEMULA PENDIRIAN TERSEBUT.+

DITANYA MENGENAI RUNDINGANNYA DENGAN JEN. PREM TENTANG MASALAH KESELAMATAN DI SEMPADAN BERSAMA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA TELAH MENGULANGI PERSETUJUAN UNTUK MENERUSKAN DASAR DAN GARIS PANDUAN YANG SAMA UNTUK BANTU MEMBANTU DALAM MENGHADAPI SEBARANG ANCAMAN DAN MUSUH BERSAMA. -- BERSAMBUNG 2208/ZCM

B595:

MAHATHIR-VIETNAM 5 BANGKOK

TENTANG PEMBERONTAKAN ISLAM DI SELATAN THAI, PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK TERDAPAT SEBARANG PERBEZAAN PENDAPAT ANTARANYA DAN JEN. PREM BAHWA ISU INI TIDAK MASALAH DALAM NEGERI THAI.

+THAILAND TIDAK BERCADANG MENJADIKAN ISU INI MASALAH ANTARABANGSA DAN MALAYSIA TIDAK BERHAJAT UNTUK MENCAMPURINYA,+ TUNBAHNYA.

1981

56

57

KUALA LUMPUR, 15 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA AKAN MEMBERI PENEKANAN YANG LEBIH TERHADAP HUBUNGAN LEBIH RAPAT DENGAN NEGARA-NEGARA TIMUR, KHUSUSNYA JEPUN DAN KOREA SELATAN BAGI MENGIMBANGKAN HUBUNGAN NEGARA DENGAN PIHAK BARAT YANG WUJUD SEKARANG.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN LANGKAH INI DIPUTUSKAN BUKAN SAJA KERANA PEMBANGUNAN DI NEGARA-NEGARA TIMUR ITU LEBIH ADA-KAITAN DENGAN EKONOMI NEGARA YANG SEMAKIN BERKEMBANG TETAPI BAGI MENGIMBANGKAN RAKYAT SUPAYA MEMPUNYAI SUATU PANDANGAN DUNIA YANG TIDAK CONDRONG KE SEBELAH PIHAK.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SATU SIDANG AKHBAR SELEPAS MERASMIKAN SIDANG KETUA-KETUA PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI DI WISMA PUTRADI SINI.

PERSIDANGAN TERSEBUT YANG PERTAMA KALI DIADAKAN SEJAK MERDEKA DISERTAI OLEH 45 ORANG PESUHUHJAYA TINGGI, DUTA BESAR, KUASA-KUASA USAHA DAN KONSUL MALAYSIA DI LUAR NEGERI...

DALAM PERJUMPAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENJELASKAN KEPADA KETUA-KETUA PERWAKILAN MALAYSIA ITU TENTANG DASAR KERAJAAN DAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN SEKARANG. -- BERSAMBUNG 1256/LK

B519: MAHATHIR-DASAR LUAR 3 KUALA LUMPUR

"SAYA MENEGASKAN KEPADA MEREKA BAHAWA MEREKA PERLU MEMPUNYAI SIKAP YANG SAMA TERHADAP KERJA TANPA MENGIRA KEDUDUKAN MASING-MASING SAMA SEPERTI YANG KITA TEKANKAN DI NEGARA INI," TAMBAHNYA.

PERSIDANGAN ITU MEMPUNYAI TIGA OBJEKTIF:

+ UNTUK MEMBOLEHKAN KETUA-KETUA PERWAKILAN TERSEBUT MEMAHAMI LEBIH MENDALAM DASAR-DASAR PERUBAHAN BARU KERAJAAN.

+ UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MEMAHAMI PERKEMBANGAN TERBARU DALAM NEGARA INI DAN BERBAGAI-BAGAI PENDEKATAN YANG DIAMBIL DALAM MENGADAKAN DASAR-DASAR. DAN

+ UNTUK MEMBERI MEREKA MAKLUMAT TERBARU MENGENAI PERKEMBANGAN DI RANTAU INI, KHUSUSNYA YANG BERHUBUNG DENGAN KAMPUCHEA.

TURUT SAMA DI SIDANG AKHBAR ITU TALAH MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAKARIA ALI. -- BERNAMA 1318/LK

B516: MAHATHIR-DASAR LUAR 2 KUALA LUMPUR

57

"SAYA TELAH MENJELASKAN BAHAWA DASAR LUAR NEGARA MERUPAKAN LANJUTAN KEPADA DASAR DALAM NEGERI SUPAYA SEMUA KETUA PERWAKILAN NEGARA INI DI LUAR NEGERI MEMAHAMINYA," TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN FAHAMAN MENDALAM AKAN HAKIKAT INI, PARA KETUA PERWAKILAN MALAYSIA ITU AKAN BERADA DALAM KEDUDUKAN YANG LEBIH BAIK UNTUK MENJELASKAN BUKAN SAHAJA KEPADA NEGARA-NEGARA ASING MALAH JUGA KEPADA WARTAWAN ASING SUPAYA MEREKA JUGA MEMAHAMI PERKEMBANGAN DAN TINDAKAN YANG DILAKUKAN DI NEGARA INI.

SELAIN ITU, BELIAU JUGA MENJELASKAN TENTANG KEUTAMAAN-KEUTAMAAN MALAYSIA DALAM HUBUNGAN LUARNYA DENGAN KUMPULAN-KUMPULAN DUNIA YANG WUJUD SEKARANG.

MENURUTNYA KEUTAMAAN PERTAMA TALAH TERHADAP ASEAN DIKUTI DENGAN PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM, PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN DISUSULI OLEH KOMANWEL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN ITU, BELIAU JUGA TELAH MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA PERWAKILAN MALAYSIA DI SEBERANG LAUT MEWUJUDKAN KECEKAPAN, KEMAHIRAN DAN TIDAK RASUAH DALAM PENTADBIRAN MASING-MASING SEPERTI YANG DIBERI PENEKANAN DALAM NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1309/LK